

BERITA HARIAN (VARSITI) 24/12/15 m/s V3

Oleh Zanariah
Abd Mutalib
zanariah_mutalib@
bh.com.my

Cyberjaya

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR), baru-baru ini menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi membangunkan Model Maklumat Bangunan (BIM) dalam bidang pembinaan.

Melalui MoU itu, UMP melalui Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) serta JKR akan bekerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan perundingan mengenai model itu yang mampu mempercepatkan masa pembinaan, mengoptimumkan penggunaan kos dan kualiti.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata BIM adalah sistem bersepadu menggunakan model digital 3D dan masih baharu dalam bidang kejuruteraan, justeru memerlukan kepakaran akademik dan pengamal bidang itu.

"Sistem ini membantu

pihak berkepentingan termasuk daripada bidang seni bina, reka bentuk, pembinaan dan pengurusan fasiliti.

Kerangka strategi

"Melalui MoU ini, kerjasama antara UMP dan JKR sejak empat tahun lalu dapat diformalisasikan dalam kerangka strategi yang lebih berstruktur," katanya pada sidang media selepas menandatangani MoU itu di sini.

JKR diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Ir Adanan Mohamed

“

KETIKA INI KITA BANYAK MENGGUNAKAN MODEL 2D, JADI MELALUI MODEL 3D, KITA BOLEH MELAKUKAN SIMULASI DAN MENDAPAT GAMBARAN VISUAL”

Adanan Mohamed Hussain,
Ketua Pengarah JKR

UMP bangun model pembinaan 3D



Prof Daing Nasir bertukar dokumen MoU dengan Adanan selepas majlis MoU UMP dan JKR.

Hussain.

Beliau berkata, sebuah makmal sudah dibangunkan bagi memberikan pelajar latihan kemahiran mengenai BIM, melalui taklimat dan bengkel yang

disediakan oleh pakar dari UMP serta JKR.

Sementara itu, Adanan berkata, BIM sudah lama digunakan dalam bidang automotif serta penerbangan dan melalui pendedahan

kepada pelajar mengenai teknologi ini, mereka dapat mengaplikasikannya melalui projek yang diberikan.

"Ketika ini kita banyak menggunakan model 2D, jadi melalui model 3D, kita

boleh melakukan simulasi dan mendapat gambaran visual. Jika ada ketidakseagaman struktur bangunan yang dilihat dari arah berlainan, kita boleh segera mengesannya," katanya.